

# Negara Islam

## Asas dan Dasarnya

Salah satu dasar yang utama bagi sebuah negara Islam ialah keadilan. “Keadilan” tak dapat dipisahkan dari “amanah” yang juga menjadi dasar negara. Keadilan memanglah menjadi idaman-idaman oleh tiap-tiap negara yang moden sekarang ini. Manusia masing-masing mengetahui akan keadilan, tetapi jarang sekali dari mereka yang dapat menyelami sedalam-dalamnya akan kandungan keadilan itu, apa lagi akan mengamalkannya.

(Pati buah kalam al-Ustādh Zainal Abidin Ahmad)

Keadilan ialah tapak bagi pembinaan alam seluruhnya. Ini telah dijelaskan oleh Allah *‘azza wa jalla* di dalam firman-Nya dalam ayat-ayat 7,8, 9 dan 10, Surah al-Rahman, (ertinya):

“Dan langit itu ditinggikan Tuhan dengan meletakkan neraca keadilan. Sebab itu, janganlah kamu berlaku curang dalam timbangan. Dirikanlah timbangan dengan keadilan, jangan mengurangkan timbangan .... dan bumi disediakan Tuhan bagi manusia (untuk menjalankan keadilan itu)...”

Di dalam suatu hadis kudsī, Tuhan menyatakan: “Wahai sekalian manusia hamba-Ku! Aku mengharamkan kezaliman atas diri-Ku. Dan (sebab itu) Aku menetapkan bahawa kezaliman itu haram atas kamu. Janganlah kamu berlaku zalim.”

Dengan berdasarkan keterangan ini, Ibn al-Qayyim menulis seperti berikut:

“Sesungguhnya Tuhan mengutus rasul-rasul-Nya dan menurunkan kitab-kitab suci-Nya, supaya menjalankan

keadilan, kerana di atas keadilan itulah didirikan langit dan bumi. Apabila tanda keadilan telah nampak kelihatan dengan jelas, maka di situlah berada agama dan syariat ( hukum) Tuhan.”

Di dalam Surah al-Mā’idah ayat 8, Tuhan berfirman (ertinya): “Berlakulah dengan adil, kerana yang demikian lebih dekat kepada sifat takwa.”

Dengan berpedoman kepada segala keterangan di atas, nyatalah bahawa keadilan itu ialah asas yang tak boleh tidak, mesti diwujudkan di dalam negara. Keadilan ialah lawan segala macam kezaliman dan kerosakan hak orang lain. Jika dia dijadikan dasar negara, maka seluruh negara hendaklah bersih dari semua kecemaran budi, terjauh dari tindas menindas, dan aniaya-menganiyai.

Bagi memudahkan huraian tentang dasar keadilan ini baiklah kita bahagi keterangannya seperti berikut:

Pertama: Keadilan di lapangan masyarakat pergaulan. Menurut agama Islam, keadilan di lapangan masyarakat dan

kemanusiaan adalah berdamping dengan sifat “ihsan” (kebajikan) dan “*al-Birr*” (kemanusiaan yang tinggi).

Jika ketiga-tiga sifat itu dipadu satu, dia merupakan pendirian “pergaulan masyarakat yang tinggi,” melebihi dasar “keadilan masyarakat” yang umum dipakai orang sekarang.

Dasar keterangan untuk itu ialah firman Tuhan di dalam Surah al-Nahl, ayat 90 (ertinya):

“Sesungguhnya Tuhan memerintahkan akan keadilan dan kebajikan (ihsan) serta memberi pertolongan kepada segala kaum kerabat, dan melarang daripada segala kekejian, kemungkaran dan penganiayaan. Tuhan mengajar kamu, supaya kamu mengingati.”

Di dalam surah al-An‘ām, ayat 152, Tuhan berfirman lagi (ertinya):

“Dan kalau kamu berkata-kata, maka berkatalah dengan adil walaupun terhadap kaum kerabat sendiri.”

Keadilan masyarakat di dalam Islam adalah sangat luas. Di dalam bukunya “*Muhammad al-Mithl al-A‘lā*”, al-Ustādh Muḥammad Aḥmad Jādi al-Mawlā, telah membahagikannya kepada empat bahagian, seperti berikut:

1. Keadilan terhadap diri sendiri, supaya mengutamakan pertimbangan yang sihat di dalam segala kepentingan hidupnya sebagai seorang manusia.

2. Keadilan terhadap pegawai dan buruh: Pegawai tinggi kepada orang-orang yang di bawahnya, majikan kepada buruhnya. Bahagian inilah yang selalu diperjuangkan orang hingga hari ini, mereka menuntut supaya buruh mendapat hak keadilan yang sepenuh-penuhnya dari majikannya.

3. Keadilan terhadap orang atasnya, iaitu dari pegawai kepada ketuanya, dan dari buruh terhadap majikannya. Bahagian inilah yang kurang menjadi perhatian dari dunia moden sekarang. Kaum buruh hanya diperingatkan menuntut hak-haknya sahaja, tetapi dibiarkan mereka melupai daripada menjaga akan tugas-tugas dan kewajipan mereka, iaitu berlaku adil pula terhadap majikan mereka.

4. Keadilan terhadap rakan sejawat dalam masyarakat, baik sebagai rakan separti, umat seagama, warga setanah air, kawan sekerja dan seterusnya.

Keadilan di lapangan pergaulan masyarakat ini meminta pertimbangan yang sihat. Pada umumnya, menurut istilah puak progresif sekarang, keadilan masyarakat hanyalah ditujukan kepada bahagian 2, iaitu tuntutan buruh terhadap majikannya. Berbagai macam tuntutan dan jaminan masyarakat yang dimajukan kepada majikan. Sedang sebaliknya tuntutan keadilan itu tidak pernah diajarkan kepada buruh supaya dilakukannya kepada majikannya dan kepada dirinya sendiri.

Agama Islam mempunyai pandangan yang luas. Tidak hanya memikulkan kewajipan kepada satu pihak dan memanjakan pihak yang lain dengan hak-hak yang banyak. Tetapi kedua-dua pihak mestilah sama-sama berdiri tegak di atas hak-hak mereka masing-masing dan menanggungjawab atas kewajipan mereka masing-masing. Di samping buruh mempunyai hak-hak menuntut keadilan masyarakat terhadap majikannya, buruh juga memikul tanggungjawab terhadap majikannya. Begitu juga pegawai-pegawai terhadap ketuanya, dan seterusnya. Memang buruhlah golongan

yang lemah yang hanya mempunyai tenaga dan tulang empat kerat sahaja, dan sebab itu mereka patut mendapat hak menentukan keadilan masyarakat. Tetapi dalam lapangan tenaga itulah kelemahannya majikan, dan menyebabkan buruh harus bertanggungjawab atas keberesan serta kesempurnaan pekerjaannya.

Bukan itu sahaja, bahkan juga diperintahkan

berlaku adil terhadap diri sendiri. Kemudian disuruh berlaku adil pula terhadap rakan sejawat. Semuanya itu membuktikan betapa luasnya keadilan di dalam pergaulan masyarakat menurut hukum Islam, jauh lebih luas dari tuntutan dasar “keadilan masyarakat” yang dihebohkan oleh setengah pihak sekarang ini.



Gambar kenangan pelajar-pelajar “Madrasah Indonesia” Makkah al-Mukaramah, yang tamat pelajarannya baharu-baharu ini. Duduk dari kanan: Saudara-saudara Abdullah Dawam Kedah, Ahmad Muhammad Nur Kedah, Ahmad Talib Patani, Yusuf Abdullah Kedah, dan Abdul Karim Kedah.

Berdiri dari kanan: Saudara-saudara Muhammad Syuib Kedah, Setiausaha Madrasah, Ismail Abdul Syukur

Siam, Yusuf Abdul Rahman Patani, Muhammad Mujib (Bendahari perkumpulan pelajar-pelajar), Ahmad Sayuti Abdul Qahar

– Anggota usaha Madrasah. Mereka semua telah lulus dalam ujian *al-Takhasşuş al-Shar‘iyy*.